

Headline **Program tukar jarum kurangkan pesakit HIV**
Date **27 Jul 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **9**
Article Size **127 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **3,597**
PRValue **10,791**



Program tukar jarum kurangkan pesakit HIV

KUALA LUMPUR: Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan (NSEP) dan Terapi Gantikan Methadone (MMT) oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dengan kerjasama Majlis Aids Malaysia (MAC) sejak tahun lalu berjaya mengurangkan jumlah penagih HIV/AIDS dikalangan penagih dadah dan pekerja seks.

Kajian KKM dan MAC menunjukkan 170,000 penagih dadah menggunakan jarum suntikan di negara ini dengan 55 peratus daripada mereka disahkan dijangkiti HIV, manakala 12,943 daripada mereka sudah meninggal dunia.

Presiden MAC, Tan Sri Zaman Khan, berkata sejak program berkenaan dimulakan, lebih 20,000 penagih menyertai program NSEP dan MMT dengan 13,090 penagih dapat diselamatkan daripada HIV.

“Namun, sebahagian besar yang lain yang masih berkongsi jarum untuk suntikan dadah kerana tidak menyertai NSEP dan MMT terus berdepan risiko dijangkiti HIV. Ini amat membimbangkan kerana kumpulan ini ti-

dak berani untuk menampilkan diri mereka dan menerima rawatan.

“Kajian menunjukkan melalui penggunaan methadone dan pertukaran jarum, seseorang penagih boleh pulih sepenuhnya daripada ketagihan dadah dalam tempoh minimum dua tahun,” katanya berucap merasmikan ‘Seminar Persekitaran Kondusif dalam Pengurangan Kemudaratan melalui Advokasi’ di sini, semalam.

Semalam, seminar itu merumuskan penagih yang berkongsi jarum suntikan diberi peluang untuk mendaftarkan diri melalui program NSEP dan MMT bagi mengatasi masalah HIV di negara ini, menambah bilangan premis MMT, menganjurkan banyak sesi dialog dan kempen kesedaran.

Ketika ini, ada 240 premis MMT dan 298 fasiliti NSEP di seluruh negara. Di MMT penagih diberi dos minuman Methadone dengan dipantau pegawai KKM, manakala di NSEP penagih dan pekerja seks diberikan kondom serta jarum suntikan bagi mengelak mereka terkena jangkitan HIV.